

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH

ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP

PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE

(ACO)

**MAJLIS MENANDATANGANI
PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK
MYANGKASA AMANAH BERHAD
(MAAB) BERSAMA KOPERASI-
KOPERASI DAN MAJLIS PENYERAHAN
SUMBANGAN INFAQ DAN ZAKAT**

20 JUN 2023 (SELASA)

Dewan Dato' Ali Baharom (A),

ANGKASA

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian

1. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu yang

hadir pada hari ini. ANGKASA selaku penaung sepenuhnya MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB), mengucapkan tahniah juga kepada MAAB atas penganjuran **Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik MyAngkasa**

Amanah Berhad (MAAB) bersama beberapa koperasi dan juga majlis penyerahan sumbangan Infaq serta Zakat pada hari ini.

2. Saya juga mengucapkan terima kasih bagi pihak ANGKASA dan

MAAB kepada **wakil-wakil Ahli Lembaga Koperasi** dan juga waris-waris **Almarhumah Hamada Bee Binti Zainal Shah** kerana sudi hadir ke majlis pada hari ini.

3. Saya amat berbangga melihat

kejayaan demi kejayaan yang telah dilakar oleh MyANGKASA Amanah Berhad bermula dari awal penubuhan syarikat sehingga ke saat ini. Saya juga sentiasa mengikuti segala perkembangan dan pencapaian MAAB dengan usaha sama pelbagai institusi korporat dan

koperasi. Kejayaan yang dicapai pada hari ini adalah hasil usaha bersama antara rakan niaga dan MAAB.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati

Sekalian

4. Untuk makluman, tujuan utama majlis ini diadakan adalah **pertamanya** sebagai meraikan dan menandatangani kerjasama strategik yang baru termeterai

antara MAAB dan lapan (8) koperasi terlibat pada hari ini, iaitu **Koperasi 1Keluarga Malaysia Berhad, Konsortium Koperasi Kariah Masjid Malaysia Berhad, Koperasi Shamelin Berhad, Koperasi Pesara – Pesara Kerajaan Malaysia Pahang Berhad,**

Koperasi Putri Terbilang Malaysia Berhad, Koperasi Yayasan Guru dan Penjawat Awam Malaysia Berhad, Koperasi Peka Malaysia Berhad dan juga Koperasi Keluarga Haji Abdul Latif Seremban Berhad.

5. Sesungguhnya saya rasa berbangga dan terharu dengan koperasi-koperasi yang berminat untuk menandatangani kerjasama strategik sebagai Rakan Niaga MAAB. Ini menunjukkan bahawa gerakan koperasi juga menyokong usaha yang dibuat oleh MAAB dan

ANGKASA dalam usaha pembangunan dan penjanaan pendapatan tambahan bagi koperasi khususnya berkaitan produk dan perkhidmatan perancangan harta pusaka MAAB ini, tidak kira lah sama ada anda mendaftar sebagai Rakan Niaga Koperasi (RNK) atau

Rakan Niaga Premium Koperasi
(RNPK).

**Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Saya Hormati
Sekalian**

6. Saya difahamkan juga, tujuan **kedua** majlis ini diadakan juga adalah sempena penyerahan sumbangan Infaq dari **Harta Pusaka Almarhumah Hamada Bee Binti Zainal Shah** kepada beberapa penerima iaitu kepada **Yayasan**

Infaq Angkasa, kepada **Sekolah Tahfiz Al-Quran Al-Ansar** serta bagi tujuan **Pembinaan Masjid Bukit Beruntung** dan **Masjid Al Ulum Wattoiyibah**.

7. Terima kasih kepada MAAB sebagai Wasi / Pentadbir kepada

harta pusaka **Almarhumah Hamada Bee Binti Zainal Shah** kerana telah berjaya menyelesaikan proses pentadbiran harta pusaka arwah dan semoga segala tanggungjawab arwah semasa hidup telah diselesaikan sepenuhnya.

8. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak waris kerana telah mengambil peranan yang mulia di sisi agama di dalam kesepakatan untuk memberikan sumbangan dan menginfaqkan

sebahagian harta pusaka arwah kepada badan-badan terpilih yang saya telah sebutkan sebelum ini.

9. Saya berharap lebih ramai lagi di kalangan masyarakat kita pada hari ini dapat melakukan perkara yang sama supaya ia menjadi ladang

pahala kepada arwah yang telah pergi meninggalkan kita. Sabda Nabi, “Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau do'a anak yang soleh” (HR. Muslim). Saya juga mendoakan Semoga kita

yang hadir hari ini dapat menyediakan juga perancangan yang rapi untuk diri kita sendiri.

10. Selain dari itu, pada hari ini juga MAAB membuat penyerahan **Zakat Perniagaan** kepada ANGKASA yang

bertindak sebagai amil zakat dengan jumlah **RM199,544.58**. Ini adalah salah satu kewajipan kita sebagai hamba dalam melaksanakan tanggungjawab Rukun Islam yang ke-4.

11. Contoh seperti ini patut syarikat-syarikat lain di luar sana ikuti, kerana dalam pada kita meraih pendapatan luar biasa dan cemerlang, Alhamdulillah untuk tahun 2022, MAAB telah meraih pendapatan kasar sehingga 13 juta, namun MAAB menunaikan

tanggungjawab untuk menunaikan Zakat Perniagaan kepada asnaf yang layak. Ini sangat penting dalam mendapat keberkatan dari Allah S.W.T seterusnya memastikan kesinambungan perniagaan dan kejayaan pada masa akan datang.

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian

12.Untuk makluman semua, suka ingin saya kongsikan di sini pencapaian MAAB yang agak

membanggakan dan meningkat dari tahun ke tahun dan setakat Disember 2022, MAAB telah mendaftarkan hampir 250,000 kes wasiat dengan nilaiang anggaran aset sebanyak 125 billion, jumlah pusaka telah diurus pula adalah sebanyak 728 fail, manakala bagi akaun amanah yang

mana MAAB bertindak sebagai pemegang amanah adalah bernilai sebanyak 250 juta.

13. Akhir kata, antara harapan saya adalah untuk memastikan MAAB terus maju ke hadapan sebagai penyedia utama bagi perancangan dan pentadbiran

harta pusaka di Malaysia seterusnya dapat menyelesaikan masalah harta pusaka terbeku akibat gagal menyelesaikan urusan pentadbiran harta pusaka. Justeru bagi saya, dalam merealisasikan perkara ini, Rakan-Rakan Niaga MAAB terutama dari sektor koperasi seperti Iapan (8)

koperasi yang akan menandatangani kerjasama pada hari ini dapat berganding bahu dan berusaha sehabis mungkin untuk menyedarkan masyarakat di luar sana terutama umat Islam untuk merancang harta pusaka melalui MAAB seterusnya sekaligus meraih

pendapatan tambahan yang agak tinggi dari segi komisennya, dengan ini , MAAB dapat mengeluarkan Zakat yang lebih besar nilainya daripada apa yang dikeluarkan pada hari ini selain dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di luar sana dalam bentuk CSR dan lain-

lain.

14. Besar harapan saya juga, kepada waris-waris **Almarhumah Hamada Bee Binti Zainal Shah** yang hadir pada hari ini untuk menguar-uarkan dan bertindak sebagai

testimoni kepada masyarakat di luar sana untuk melantik MAAB sebagai Wasi / Pentadbir kerana telah terbukti contoh kejayaan pelaksanaan pentadbiran pusaka arwah saudara anda yang mana mana telah pun MAAB laksanakan dengan jayanya.

15. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan hadir ke majlis pada hari ini dan izinkan saya memberi ruang agar majlis pada hari ini diteruskan dengan agenda yang selanjutnya.

Sekian, terima kasih.